

22 AUG 2001

Penerbangan-pulang

PESAWAT MUHIBAH SELAMAT PULANG KE TANAH AIR

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Selepas 17 hari melawat beberapa negara Asean dan menempuh laluan getir akibat cuaca tidak menentu, kedua-dua pesawat ringan Zodiac Rakan Muda yang menyertai misi Penerbangan Muhibah Asean 2001 selamat tiba di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia di Subang hari ini.

Pesawat-pesawat itu yang berlepas dari Bangkok pada Isnin lepas, mendarat pada 9.30 pagi selepas singgah semalam untuk mengisi minyak di Sitiawan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang baru tiba dari lawatan ke Uganda dan Yemen turut menyambut kepulangan peserta-peserta misi itu yang telah menyampaikan surat jemputan rasmi ke Sukan SEA Kuala Lumpur 2001 bermula 8 Sept ini kepada negara-negara berkenaan.

Penerbangan sejauh 4,000 batu nautika meliputi Myanmar, Laos, Vietnam, Kemboja dan Thailand, dan merupakan misi amat mencabar bagi peserta-peserta yang secara bergilir-gilir menerbangkan dua pesawat ringan itu.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein dalam satu kenyataan berkata, pengalaman yang dilalui para peserta itu terutama ketika berdepan dengan masalah teknikal dan cuaca buruk, adalah sesuatu yang bukan semua orang dapat tempuhi.

"Saya merasa amat bangga dan terharu dengan keberanian dan semangat kental yang patut dijadikan teladan oleh pemuda-pemudi di negara ini," katanya.

Menurutnya keadaan cuaca yang diharungi sepanjang penerbangan bukan sahaja menjadi pencabar kepada peserta, malah turut menguji ketahanan mental dan fizikal mereka.

Dengan menggunakan dua pesawat ringan yang hanya dilengkapi sistem penerbangan paling asas, mereka berjaya menempuh perubahan monsun Tenggara, Ribut Usagi, hujan lebat, ribut petir dan angin kencang yang pada ketika itu melanda negara-negara utara Asean.

Ketua ekspedisi Abdul Latiff Endot berkata misi yang pertama kali seumpamanya dilakukan oleh anak muda Malaysia itu telah membuktikan bahawa anak muda negara ini sedia menempuh apa jua keadaan dan cabaran.

"Golongan muda Rakan Muda penerbangan ekspedisi Muhibah Asean ini adalah golongan paling bersemangat dan berani kerana walaupun mereka telah melihat sendiri masalah cuaca buruk, mereka terus masih berjuang dan menyempurnakan ekspedisi ini," katanya.

-- BERNAMA  
JAI AHH MAI